

**PERSEPSI PEMBIMBING RAKAN SISWA TERHADAP
KEMAHIRAN MENOLONG DALAM MENANGANI TEKANAN
AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR: SATU TINJAUAN DI
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

ESHANTEE ANAK ENKAMAT

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2005

PENGHARGAAN

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam membantu saya menyempurnakan projek tahun akhir ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek saya iaitu Puan Jamayah Saili atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang telah beliau berikan kepada saya sepanjang saya menjalankan projek ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah Kaunseling lain yang turut memberi tunjuk ajar dan sokongan kepada saya sepanjang saya menyiapkan projek ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada ahli kelab Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS kerana telah banyak memberikan kerjasama kepada saya dalam mengisi dan mengembalikan borang soal selidik, terutama kepada Presiden Eksekutif dan Timbalan Presiden Eksekutif 1 kelab Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS yang banyak membantu saya dalam mengedarkan borang soal selidik dan mengumpul maklumat berkaitan Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya, iaitu pelajar Kaunseling Tahun 3 sesi 2004/2005, kerana telah banyak membantu saya sepanjang menjalankan projek ini. Jasa kalian tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada keluarga saya kerana sentiasa memberi galakan dan sokongan moral kepada saya sepanjang saya menyiapkan projek ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan projek ini. Tanpa anda semua, tidak mungkin saya berjaya menyempurnakan projek ini.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan		iii
Jadual Kandungan		iv
Senarai Rajah		vi
Senarai Jadual		vii
Abstrak		ix
Abstract		x
1. BAB 1: PENDAHULUAN		
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Latar Belakang PRS UNIMAS	5
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	9
	1.4.1 Objektif Am	9
	1.4.2 Objektif Khusus	9
1.5	Rangka Konseptual	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Definisi Istilah	16
1.9	Limitasi Kajian	21
1.10	Rumusan	22
2. BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS		
2.0	Pengenalan	23
2.1	Pembimbing Rakan Sebaya	24
2.2	Tekanan Akademik	
2.3	Teori	31
	2.3.1 Teori Personaliti: Jenis A Dan Jenis B	31
2.4	Model Tekanan Akademik	32
	2.4.1 Model Tekanan Akademik: Cognitive-Behavioral Model Of Stress Reduction	33
2.5	Kemahiran Menolong	34
2.6	Rumusan	35
3. BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.0	Pengenalan	37
3.1	Reka Bentuk Kajian	37
3.2	Lokasi Kajian	38
3.3	Populasi Dan Sampel	39
3.4	Instrumen	41

3.5	Ujian Kebolehpercayaan	42
3.6	Alat Pengumpulan Data	44
3.7	Analisis Data	45
3.8	Rumusan	46

4. BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	47
4.1	Profil Demografi Responden	48
4.1.1	Jantina	48
4.1.2	Umur	49
4.1.3	Bangsa	49
4.1.4	Fakulti	50
4.1.5	Program	51
4.2	Penganalisan Hipotesis Kajian	52
4.2.1	Pengujian Hipotesis Kajian 1	52
4.2.2	Pengujian Hipotesis Kajian 2	54
4.2.3	Pengujian Hipotesis Kajian 3	55
4.2.4	Pengujian Hipotesis Kajian 4	56
4.2.5	Pengujian Hipotesis Kajian 5	57
4.2.6	Pengujian Hipotesis Kajian 6	58
4.2.7	Pengujian Hipotesis Kajian 7	59
4.2.8	Pengujian Hipotesis Kajian 8	61
4.3	Ringkasan Keputusan Hipotesis Kajian	62
4.4	Rumusan	64

5. BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.0	Pengenalan	65
5.1	Ringkasan Bab	65
5.2	Rumusan Dan Perbincangan Terperinci Dapatan Kajian	70
5.3	Cadangan	78
5.4	Rumusan	79

Bibliografi	80
Lampiran	82

SENARAI RAJAH

Rajah 1

Rangka Konseptual Kajian

12

SENARAI JADUAL

Jadual 1	
Pekali Kebolehpercayaan Item Dalam Sifat Menolong	43
Jadual 2	
Pekali Kebolehpercayaan Item Dalam Kemahiran Menolong	43
Jadual 3	
Pekali Kebolehpercayaan Keseluruhan Item Kemahiran Menolong	43
Jadual 4	
Pekali Kebolehpercayaan Instrumen (Keseluruhan Item Sifat Menolong Dan Kemahiran Menolong)	43
Jadual 5.1	
Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jantina	48
Jadual 5.2	
Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Umur	49
Jadual 5.3	
Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Bangsa	50
Jadual 5.4	
Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Fakulti	51
Jadual 5.5	
Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Program	51
Jadual 5.6	
Keputusan Ujian-T Berdasarkan Jantina	53
Jadual 5.7	
Keputusan Ujian-T Berdasarkan Fakulti	54
Jadual 5.8	
Keputusan Ujian ANOVA Berdasarkan Kumpulan Umur	55
Jadual 5.9	
Keputusan Ujian ANOVA Berdasarkan Kumpulan Bangsa	56
Jadual 5.10	
Keputusan Ujian ANOVA Berdasarkan Kumpulan Program	57

Jadual 5.11 Keputusan Ujian Korelasi Pearson Berdasarkan Sifat Menolong Dengan Kemahiran Mendengar	59
Jadual 5.12 Keputusan Ujian Korelasi Pearson Berdasarkan Sifat Menolong Dengan Kemahiran Memberi Respon Menolong	60
Jadual 5.13 Keputusan Ujian Korelasi Pearson Berdasarkan Sifat Menolong Dengan Kemahiran Menggambarkan Kembali Perasaan	62
Jadual 5.14 Ringkasan Keseluruhan Hipotesis Kajian	62

ABSTRAK

PERSEPSI PEMBIMBING RAKAN SISWA TERHADAP KEMAHIRAN MENOLONG DALAM MENANGANI TEKANAN AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR: SATU TINJAUAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ESHANTEE ENKGAMAT

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar di Universiti Malaysia Sarawak. Borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumbalas dan maklumat daripada 43 orang Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS yang telah mengikuti Latihan Fasa I dan Fasa II sahaja. Frekuensi dan peratusan telah digunakan untuk melihat taburan demografi responden. Ujian-T pula digunakan untuk mengukur perbezaan di antara faktor demografi seperti faktor jantina dan fakulti dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik pelajar UNIMAS. Manakala, Ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menguji perkaitan di antara faktor demografi seperti faktor umur, bangsa dan program dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik pelajar UNIMAS. Ujian Korelasi Pearson pula digunakan untuk mengukur hubungan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap tiga pecahan kemahiran dalam kemahiran menolong iaitu kemahiran mendengar, kemahiran memberi respon menolong dan kemahiran menggambarkan kembali perasaan dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS. Hasil analisa dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran mendengar dan kemahiran menggambarkan kembali perasaan dalam menangani tekanan akademik pelajar UNIMAS. Manakala, hasil dapatan kajian tidak menunjukkan hubungan yang signifikan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran memberi respon menolong dalam menangani tekanan akademik pelajar UNIMAS.

ABSTRACT

PERCEPTION OF PEER HELPER TOWARD HELPING SKILLS IN HANDLING ACADEMIC STRESS AMONG STUDENTS: AN OBSERVATION IN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ESHANTEE ENKAMAT

This study aims to identify the perception of peer helper toward helping skills in handling academic stress among students at University Malaysia Sarawak. Questionnaires are used to get feedback and information from 43 UNIMAS peer helpers that have attended phase I and phase II training. Frequencies and percentage are used to see the distribution of demographic factors. T-test was used to measure the differences between selected demographic factors such as gender and faculty with the perception of peer helper toward helping skills in handling academic stress among UNIMAS' students. Meanwhile, one way ANOVA used to test the relationship between demographic factors such as age, races and programs with the perception of peer helper toward helping skills in handling academic stress among UNIMAS' students. Pearson Correlation was used to measure the relationship between helping traits and the perception of peer helper toward three small parts in helping skills such as listening skills, giving helping response skills and describing feelings skills in handling academic stress among UNIMAS students. Research findings found that there are significant relationships between helping traits and perception of peer helper toward listening skills and describing feelings skills in handling academic stress among UNIMAS student .On the other hand , research findings have shown that there is no significant relationship between helping traits and perception of peer helper toward giving helping response skills in handling academic stress among UNIMAS student.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan secara lanjut tentang aspek-aspek pengenalan kajian seperti latar belakang kajian, latar belakang Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS, pernyataan masalah, objektif kajian, rangka konseptual, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini dan limitasi yang dihadapi semasa menjalankan kajian. Diakhir bab, pengkaji membuat kesimpulan untuk bab 1 ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tekanan merupakan sesuatu yang sering dialami oleh kebanyakan orang. Tekanan berpunca daripada masalah peribadi, masalah kerja dan sebagainya. Tekanan boleh didefinisikan kepada banyak maksud. Menurut Bennett (1994), beliau menyatakan bahawa tiada definisi ringkas berkaitan dengan tekanan, ia mengandungi satu koleksi luas simptom- simptom fizikal dan psikologikal hasil daripada pengalaman rumit semasa cuba untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran. Tekanan juga boleh didefinisikan sebagai satu situasi faktor-faktor yang berinteraksi dengan individu untuk mengubah keadaan fisiologikal atau psikologikal, misalnya individu tersebut terpaksa melencong dari fungsi biasanya (Beehr dan Newman, 1978 dipetik dari jurnal *An Examination of Academic and Occupational Stress in the USA* oleh Sadri.G., 1997).

Tekanan yang tinggi membawa kesan yang negatif terhadap pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Hockey (1979) dan Silver (1968) dipetik dari Sadri (1997), yang menyatakan bahawa beberapa kajian telah dijalankan dan menunjukkan pelajar yang mengalami tekanan yang tinggi hanya menguasai sedikit pembelajaran berbanding pelajar yang mengalami tekanan pada tahap yang sederhana. Manakala menurut Ellis (1969) dipetik dari Sadri (1997), psikiatrik kampus memberi perhatian terhadap tekanan berkaitan sekolah yang menyebabkan ketidakupayaan pelajar membuat kerja sekolah dan ketakutan untuk gagal dalam akademik.

Terdapat beberapa faktor dalam persekitaran akademik yang menyebabkan tekanan kepada pelajar antaranya termasuk kekecewaan iaitu masalah harian yang mengganggu pencapaian matlamat atau kegagalan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pelajar, konflik iaitu timbul daripada pengalaman akademik yang berbeza hasil daripada dua atau lebih alternatif yang diinginkan atau konflik apabila matlamat mempunyai alternatif positif dan negatif, penekanan terhadap sesuatu iaitu hasil daripada persaingan atau perhubungan interpersonal dan perubahan iaitu perubahan yang berlaku dalam akademik, pelajar mungkin akan berhadapan dengan keadaan yang kurang menyenangkan (Cooper, 1986; Cooper & Marshall, 1976; Frew & Bruning, 1987; Jackson & Schuler, 1985; Van Sell et al., 1981 dipetik dari jurnal *An Examination of Academic and Occupational Stress in the USA* oleh Sadri.G., 1997).

Terdapat banyak cara yang boleh diambil oleh pelajar dalam menghadapi tekanan. Salah satu cara ialah dengan mendapatkan bantuan daripada Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Pembimbing Rakan Sebaya juga dikenali sebagai pembimbing sebaya, kaunselor sebaya, pembimbing pelajar, fasilitatif sebaya, pembantu rakan, pembantu pelajar, penolong pelajar, pembimbing rakan dan lain-lain (Zuraidah Abdul Rahman, 1987). Menurut Tindall dan Gray (1985) dalam buku Zuraidah Abdul Rahman (1988) yang berjudul *Boleh Saya Tolong Anda?*, kaunselor sebaya ialah individu samada dipilih atau atas pilihan sendiri, yang berperanan sebagai orang yang menghulurkan pertolongan kepada rakan-rakan sebaya dengannya. Kaunselor Sebaya ini bukanlah professional tetapi mampu menggunakan kemahiran kaunseling dalam menolong rakan mereka.

Pembimbing Rakan Sebaya memainkan banyak peranan dalam membantu rakan-rakan mereka. Zuraidah Abdul Rahman (1987) menyatakan bahawa peranan Pembimbing Rakan Sebaya yang paling jelas ialah menjadi rakan yang boleh dirapati dan mampu memahami perasaan dan masalah yang dihadapi oleh rakan mereka melalui hubungan secara individu.

Pembimbing Rakan Sebaya berkait rapat dengan kemahiran menolong kerana kemahiran menolong diperlukan oleh mereka dalam membantu pelajar. Terdapat beberapa jenis kemahiran dalam kemahiran menolong yang boleh digunakan oleh Pembimbing Rakan Sebaya, antaranya ialah kemahiran mendengar, kemahiran memberi respon menolong dan kemahiran menggambarkan kembali perasaan (Zuraidah Abdul Rahman, 1987).

Menurut Brammer (1973), kemahiran menolong digunakan dalam beberapa kombinasi untuk mencapai dua tujuan utama iaitu membina hubungan dan memudahkan tindakan. Dalam membantu pelajar, Pembimbing Rakan Sebaya perlu terlebih dahulu membina hubungan yang baik dengan rakan mereka supaya senang untuk mereka bertindak dalam membantu rakan mereka kelak.

1.2 LATAR BELAKANG PEMBIMBING RAKAN SISWA UNIMAS

Kajian ini dijalankan di kalangan ahli Pembimbing Rakan Siswa atau PRS di Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS ditubuhkan pada tahun 2001 dibawah kendalian pengasas Pembimbing Rakan Sebaya sendiri iaitu Profesor Madya Zuraidah Abdul Rahman dengan keahlian seramai 10 orang pelajar Kaunseling tahun 1 pada masa itu.

Pada tahun 2004, keahlian PRS adalah seramai 106 orang, iaitu 43 orang merupakan ahli PRS yang bertauliah kerana telah melalui 2 fasa latihan iaitu fasa I (Latihan Pembimbing Rakan Siswa) dan fasa II (Latihan Lanjutan Pembimbing Rakan Siswa) dan 54 orang ahli baru PRS termasuk 9 orang ahli dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS telah menyertai latihan fasa I sahaja dan mereka belum ditauliahkan sebagai PRS bertauliah. Motto Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS ialah “Bantu diri untuk membantu orang lain”. Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS bertujuan untuk membantu rakan-rakan mereka (pelajar-pelajar UNIMAS) yang memerlukan pertolongan.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS ialah:

1. Latihan Keusahawanan Siswazah

Membimbing pelajar dengan ilmu dan kemahiran keusahawanan sebagai persediaan kepada mahasiswa untuk menjadi usahawan berjaya melalui bengkel dan seminar.

2. Perkhidmatan Kaunseling

Memberikan perkhidmatan membantu individu terutama para pelajar dalam pertumbuhan dan perkembangan diri melalui kaunseling dan psikologi tanpa mengira bangsa, kaum, keturunan, status dan kepercayaan.

3. Modul '*Soft Skill*'

Mewujudkan pelajar yang serba boleh, berketrampilan, berilmu dan berbudaya serta memiliki ciri-ciri pekerja yang berjaya.

4. Pembimbing Rakan Siswa

Pembimbing Rakan Siswa, sekumpulan pelajar yang diberi latihan kemahiran kaunseling untuk membantu rakan sebaya sebelum merujuk kepada kaunselor.

5. Alumni

Mengumpul seberapa banyak bekas graduan UNIMAS dalam membantu menjana kewangan serta mengeratkan hubungan yang telah sedia ada.

Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS menggunakan modul-modul latihan yang telah disediakan oleh Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS sendiri. Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS mesti menjalani dua fasa latihan iaitu

Latihan Pembimbing Rakan Siswa Fasa I dan Latihan Pembimbing Rakan Siswa dan Fasa II yang dikenali sebagai Latihan Lanjutan Pembimbing Rakan Siswa sebelum mereka digelar Pembimbing Rakan Siswa Bertauliah. Aktiviti yang dijalankan dalam Fasa I dan Fasa II ialah seperti kemahiran asas menolong, komunikasi dan sedikit asas kaunseling.

Kesimpulannya, Pembimbing Rakan Siswa banyak memainkan peranan dalam Institusi Pengajian Tinggi terutamanya dikalangan pelajar kerana mereka mempunyai kemahiran dalam membantu para pelajar yang mempunyai masalah samada masalah peribadi mahupun akademik.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Tekanan akademik merupakan persoalan utama yang diberi perhatian dalam kajian ini kerana ia melibatkan pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Hirsch dan Keniston (1970) dipetik dari Sadri (1997) menyatakan bahawa sebanyak 50 peratus pelajar dilaporkan tidak dapat menghabiskan pengajian di kolej akibat daripada ketakutan kegagalan dalam bidang akademik pada empat tahun akan datang.

Merujuk kepada kes bunuh diri akibat tekanan, statistik daripada Amerika Syarikat menunjukkan bahawa setiap 90 minit seorang individu berusia antara 15 hingga 24 tahun cuba untuk membunuh diri (D'Aurora dan Fimian, 1988 dipetik

dari Sadri, 1997). Dianggarkan 50,000 golongan muda di Amerika Syarikat melakukan percubaan membunuh diri setiap tahun dan lebih kurang 5,000 daripada mereka berjaya membunuh diri (Jennings, 1984 dipetik dari Sadri, 1997). Menurut Shipman (1987) dipetik dari Sadri (1997), tekanan lain yang dihadapi oleh para pelajar termasuk penggunaan alkohol, penyalahgunaan dadah, mengandung sebelum berkahwin dan bunuh diri.

Dalam menyelesaikan tekanan tersebut, Pembimbing Rakan Sebaya banyak membantu para pelajar kerana Pembimbing Rakan Sebaya merupakan individu yang paling rapat dengan pelajar. Menurut Zuraidah Abdul Rahman (1988), dalam proses para pelajar membesar, pengaruh ibu bapa berkurangan dan rakan sebaya memainkan pengaruh yang utama dalam hidup mereka. Pembimbing Rakan Sebaya adalah individu yang mempunyai hubungan yang rapat dengan rakan-rakan mereka dan lebih mudah untuk dihubungi pada bila-bila masa.

Seseorang pembimbing Rakan Sebaya harus mempunyai ciri-ciri menolong supaya dapat membantu rakan-rakan mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan lebih berkesan. Antara kemahiran menolong yang harus ada pada seseorang Pembimbing Rakan Sebaya ialah sifat menolong, kemahiran mendengar, kemahiran memberi respon menolong dan menggambarkan kembali perasaan (Zuraidah Abdul Rahman, 1987).

Jadi kajian ini akan mengkaji persepsi Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS terhadap kemahiran menolong dalam membantu pelajar UNIMAS menangani

tekanan dari segi akademik. Seterusnya mengenalpasti samada kemahiran seperti kemahiran mendengar, kemahiran memberi respon menolong dan kemahiran menggambarkan kembali perasaan digunakan oleh Pembimbing Rakan Siswa dalam menangani tekanan akademik yang dihadapi oleh para pelajar UNIMAS.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 OBJEKTIF AM

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji persepsi Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS terhadap kemahiran menolong dalam membantu pelajar UNIMAS menangani tekanan dari segi akademik.

1.4.2 OBJEKTIF KHUSUS

Secara khususnya kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti hubungan di antara faktor jantina dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.

2. Mengenalpasti hubungan di antara faktor fakulti dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
3. Mengenalpasti hubungan di antara faktor umur dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
4. Mengenalpasti hubungan di antara faktor bangsa dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
5. Mengenalpasti hubungan di antara faktor program dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
6. Mengenalpasti hubungan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran mendengar dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
7. Mengenalpasti hubungan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran memberi respon menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.

8. Mengenalpasti hubungan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menggambarkan kembali perasaan dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.

1.5 RANGKA KONSEPTUAL

Rajah 1: Rangka Konseptual kajian berkaitan persepsi Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS terhadap kemahiran menolong dalam membantu pelajar UNIMAS menangani tekanan akademik

PEMBOLEHUBAH
BERSANDAR

PEMBOLEHUBAH
TIDAK
BERSANDAR

FAKTOR DEMOGRAFI:

- JANTINA
- FAKULTI
- UMUR
- BANGSA
- PROGRAM

SIFAT MENOLONG

**KEMAHIRAN MENOLONG
DALAM MENANGANI
TEKANAN AKADEMIK
PELAJAR:**

- KEMAHIRAN MENDENGAR
- KEMAHIRAN MEMBERI RESPON MENOLONG
- KEMAHIRAN MENGGAMBARKAN KEMBALI PERASAAN

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
- Ho2:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor fakulti dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
- Ho3:** Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara faktor umur dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
- Ho4:** Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara faktor bangsa dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.
- Ho5:** Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara faktor program dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menolong dalam menangani tekanan akademik di kalangan pelajar UNIMAS.

Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran mendengar dalam menangani tekanan akademik.

Ho7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran memberi respon menolong dalam menangani tekanan akademik.

Ho8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sifat menolong dengan persepsi Pembimbing Rakan Siswa terhadap kemahiran menggambarkan kembali perasaan dalam menangani tekanan akademik.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberi kepentingan kepada empat pihak iaitu Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS, para pelajar UNIMAS, institusi iaitu UNIMAS dan para pengkaji akan datang.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS terhadap kemahiran menolong dalam membantu pelajar UNIMAS menangani tekanan dari segi akademik.

Disamping itu, diharap hasil kajian ini dapat membantu para Pembimbing Rakan Siswa untuk memperbaiki lagi kemahiran mereka dalam aspek menolong serta membantu para pelajar menangani tekanan akademik.

Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu para Pembimbing Rakan Siswa menggunakan kesemua kemahiran menolong secara efektif dan berkesan dalam membantu pelajar menyelesaikan tekanan akademik yang dihadapi.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran kepada para pelajar UNIMAS tentang pentingnya peranan serta kemahiran menolong Pembimbing Rakan Siswa dalam membantu mereka menyelesaikan tekanan yang dihadapi terutama tekanan dari segi akademik.

Disamping itu, diharap hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada UNIMAS tentang kepentingan adanya Pembimbing Rakan Siswa di sesebuah institusi pengajian tinggi dalam membantu pelajar menangani masalah berkaitan bidang akademik dan diharap institusi dapat memberi galakan sepenuhnya kepada Pembimbing Rakan Siswa agar kelab tersebut dapat bergerak aktif dalam membantu pelajar UNIMAS.

Selain daripada itu, kajian ini juga diharap dapat menggalakkan lagi para pengkaji lain untuk terus mengkaji secara mendalam tentang aspek ini. Mereka bukan sahaja mengkaji fungsi Pembimbing Rakan Siswa dalam persekitaran institusi malah turut mengkaji kemahiran menolong yang diaplikasikan oleh